

MIC yakin kepemimpinan Dr M

BH 19 MAY 2002

Laporan
MAGENDRAN RAJAGOPAL

SHAH ALAM: MIC yakin dengan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) dalam memenuhi keperluan serta menyelesaikan masalah yang dihadapi masyarakat India tempatan.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu, berkata Perdana Menteri tidak pernah menghampakan permintaannya bagi kebajikan masyarakat India dalam mesyuarat Kabinet setakat ini dan yakin sikap tolak ansur itu selaras

dengan semangat kerjasama di kalangan parti komponen BN.

Sehubungan itu, beliau juga menyuarakan keyakinan bahawa isu kemasukan pelajar India ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), masalah kekurangan peluang pekerjaan di sektor awam serta pelbagai isu berbangkit lain dapat diselesaikan secara mudah.

"Pelbagai masalah yang dihadapi masyarakat India tempatan akan dibincangkan dalam perhimpunan agung kali ini dan MIC menaruh harapan tinggi bahawa kerajaan BN

akan mempertimbangkan permintaan masyarakat India ini.

"Isu seperti kekurangan peluang pendidikan dan pekerjaan sektor awam bagi masyarakat India mengecewakan sebahagian besar anggota masyarakat dan ini perlu diatasi segera bagi memastikan kesinambungan sokongan masyarakat India kepada BN.

"Saya tidak tahu sama ada Dr Mahathir akan menyentuh mengenai isu berbangkit ini dalam ucapan perasmianya hari ini, tetapi saya yakin beliau tidak akan mengham-

pakan permintaan MIC ini," katanya dalam sidang akhbar selepas hari pertama Perhimpunan Agung MIC Ke-56 di sini, semalam.

Perdana Menteri dijadual merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-56 esok iaitu pada hari kedua perhimpunan agung memandangkan beliau baru pulang dari lawatan ke Amerika Syarikat.

Kira-kira 1,500 perwakilan serta pemerhati menyertai perhimpunan berkenaan, mewakili lebih 4,680 bahagian MIC di seluruh negara, membatik lebih 560,000 ahli.

Ketika membahaskan pindaan perlembagaan parti hari ini, kebanyakan perwakilan membangkitkan isu kemasukan pelajar India ke IPTA dan ia disertakan sebagai satu resolusi khas sebagai tambahan kepada 10 resolusi sedia ada.

Kata Samy Vellu, beliau menyambut baik kenyataan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad yang mencadangkan gabungan antara sistem meritokrasi dan kuota dalam pengambilan pelajar ke IPTA dan mahu perkara itu diberi pertimbangan sewajarnya.